

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SHAMSUL ISKANDAR
BIN MOHD AKIN [BUKIT KATIL]**

TARIKH : 17 NOVEMBER 2015 (SELASA)

SOALAN :

YB Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah unit rumah yang tergolong sebagai projek Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) yang telah siap dibina di setiap negeri semenjak PR1MA diperkenalkan.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, PR1MA sedang giat mengenal pasti tapak dan lokasi yang bersesuaian untuk dibangunkan sebagai projek-projeknya. Sehingga kini, Anggota Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 200,489 unit daripada pelbagai projek di seluruh negara. Jumlah ini dijangka akan meningkat mengikut kekerapan Mesyuarat Anggota Perbadanan PR1MA yang sentiasa bersidang dari semasa ke semasa.

Pada masa ini, sebanyak 61 buah projek PR1MA yang terdiri daripada 64,974 unit rumah di pelbagai lokasi seluruh negara telah memulakan kerja-kerja fizikal. Antara lokasi projek yang telah memulakan pembinaan termasuklah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kedah, Johor, Negeri Sembilan, Perak, Melaka, Pulau Pinang, Perlis, Terengganu, Sabah dan Sarawak.

Selain itu, sebanyak 883 unit rumah PR1MA telah berjaya disiapkan di Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Kedah. Manakala projek-projek lain yang sedang berada dalam pelbagai fasa perancangan dan pembinaan akan dimulakan seperti yang telah dijadualkan.

Secara amnya, kediaman jenis strata mengambil masa selama tiga (3) tahun untuk disiapkan manakala kediaman jenis bertanah pula mengambil masa selama dua (2) tahun.

Sekian. Terima kasih.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI
(KUDAT)**

TARIKH : 17.11.2015 (SELASA)

SOALAN : 25

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan projek-projek Jalan Luar Bandar dan berapakah peruntukan yang tersedia dalam Rancangan Malaysia ke-11 ini bagi Jalan Luar Bandar kawasan Parlimen Kudat.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kementerian telah mengemukakan permohonan berjumlah RM217.4 juta yang melibatkan pelaksanaan sebanyak lima (5) buah projek baru dengan pembinaan jalan sepanjang 61.4km bagi parlimen Kudat.

Walaupun bagaimanapun, kelulusan pelaksanaan projek dan peruntukan adalah tertakluk kepada kelulusan UPE, JPM dan Kementerian Kewangan.